

**YANG BERHORMAT
PEHIN ORANG KAYA SERI UTAMA**

DATO SERI SETIA AWANG HAJI YAHYA BIN BEGAWAN MUDIM DATO PADUKA HAJI BAKAR,
MENTERI PERINDUSTRIAN
DAN SUMBER-SUMBER UTAMA

SELAKU TETAMU KEHORMAT

**DI MAJLIS PELANCARAN LAMAN WEB RASMI DAN FACEBOOK KEMENTERIAN PERINDUSTRIAN DAN SUMBER-
SUMBER UTAMA**

Hari Khamis,

24 Muharram 1432 / 30hb. Disember 2010

Bismillahir Rahmanir Rahim

Yang Mulia, Setiausaha Tetap;

Yang Mulia, Timbalan Setiausaha Tetap;

Yang Mulia, Pengarah-Pengarah;

Yang Mulia, Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama;

Hadirin dan Hadirat yang saya hormati sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera,

Segala puji hanya bagi Allah Subhanahu Wataala, selawat serta salam keatas junjungan besar kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, kaum keluarga, para sahabat dan pengikut-pengikut Baginda yang setia lagi jujur hingga ke akhir zaman.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhannahu Wataala kerana dengan limpah rahmat dan hidayahNya, kita dapat berkumpul di Majlis Pelancaran Laman Web Rasmi dan Facebook Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada petang ini yang telah diungkapkan oleh Unit Pengurusan Maklumat, Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Saya merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang setinggi-tingginya kepada Pengerusi dan Unit Pengurusan Maklumat yang menjemput saya bagi menyempurnakan Pelancaran Laman Web Rasmi Kementerian ini.

Laman Web yang akan dilancarkan pada hari ini telah diusahakan sejak bulan November 2010

bagi menggantikan laman web yang telah berfungsi sejak tahun 2008. Usaha ini merupakan langkah bagi merapikan dan penambahbaikan pemberian maklumat kepada orang ramai. Manakala, Facebook Rasmi Kementerian ini telahpun siap dilaksanakan pada bulan Oktober 2010 dan urusan pengemaskinian maklumat telah diserahkan untuk dikendalikan oleh Unit Perhubungan Awam di Bahagian Pengurusan dan Kewangan. Saya menyokong dan menyambut baik segala usaha ini. Dengan pelancaran Laman Web dan Facebook Rasmi Kementerian ini, diharap akan dapat menyampaikan maklumat yang berkesan kepada masyarakat umum dan terutamanya kepada pengusaha tempatan dan luar Negara mengenai kegiatan-kegiatan semasa yang berlaku di Kementerian ini dan yang lebih utama lagi para pengusaha khususnya boleh mendapatkan maklumat-maklumat yang lengkap, terkini, telus dan jelas dengan cara yang mudah.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Dalam beberapa hari lagi kita akan mengorak langkah tahun 2011, dan dikesempatan ini, ingin saya menyatakan harapan dan doa agar Kementerian ini akan menjadi sebuah organisasi yang lebih dinamik, berdayamaju dan berdayasaing.

Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama dan Jabatan-Jabatan di bawahnya mestilah berusaha meningkatkan lagi prestasi kerja terutamanya di dalam pemberian perkhidmatan kepada orang ramai, lebih-lebih lagi, Kementerian ini yang mempunyai kaitan rapat dalam pembangunan ekonomi Negara dari aspek perusahaan melalui penghasilan dari sektor-sektor pertanian, perikanan, perhutanan dan juga pelancongan.

Kearah itu Jabatan dan bahagian di Kementerian ini hendaklah memberi keutamaan dalam meningkatkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai agar lebih mudah, cepat dan berkesan dan jika dalam usaha untuk mencapai matlamat ini memerlukan perubahan, maka Jabatan dan bahagian hendaklah bersedia meneroka apa jua kemungkinan untuk merealisasikan matlamat tersebut.

Seperti baru-baru ini, Kementerian dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri telah menandatangani kontrak dengan Folec Communication (Brunei) bagi projek *Business Licensing System*. Projek ini merupakan salah satu usaha Kerajaan kearah memudahkan lagi pengusaha juga pelabur asing yang berpotensi tinggi dari luar negara untuk memulakan perniagaan di Negara ini.

Projek ini akan membabitkan sekurang-kurangnya 13 agensi-agensi Kerajaan dan Kementerian ini telah dimandatkan untuk menerajui perlaksanaan projek ini dengan kerjasama Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Secara ringkasnya proses utama projek BLS ialah untuk mengintegrasikan sistem yang sedia ada dan yang baru termasuk sistem eMIPR Kementerian

Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, untuk dijadikan satu sistem bagi memudahkan pengusaha memohon lesen dan permit dalam memulakan perniagaan. Sejak awal tahun 2008, Kementerian telah menyediakan Sistem E-MIPR yang menyediakan permohonan secara "online" bagi pengusaha dari sektor pertanian, perikanan, perhutanan, tapak-tapak perindustrian dan juga pelancongan.

Hadirin dan hadirat yang saya hormati sekalian,

Saya juga mengambil maklum akan usaha-usaha Unit Pengurusan Maklumat dengan kerjasama Unit Pengurusan Sumber Manusia kearah menjadikan warga Kementerian ini pintar IT dengan perancangan untuk memberikan latihan asas penggunaan IT kepada seluruh warga Kementerian ini. Ini adalah sebagai persediaan Kementerian ini kearah penggunaan "Government Employee Management System" (GEMS) sepenuhnya yang telah mula beroperasi pada bulan Ogos 2010 di Kementerian ini.

Sukacita saya menegaskan di sini, bahawa Kementerian ini perlu berusaha untuk mengambil berat akan penggunaan kemudahan sistem Teknologi Maklumat yang telah disediakan dengan pelaburan yang besar, yang bertujuan bagi memudahkan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai khususnya kepada pengusaha agar lebih cepat, mesra dan berkesan supaya dapat membantu Kementerian ini melaksanakan fungsi dan peranannya dengan lebih berkesan.

Apa yang saya telah sampaikan tadi akan dapat diamat-amati dengan mendalam oleh ketua-ketua Jabatan dan Bahagian kerana ia kemungkinan besar merupakan petanda (indicator) ke atas usaha-usaha bagi menambahbaikan dalam meningkatkan lagi kualiti pemberian perkhidmatan di Jabatan dan bahagian di Kementerian ini.

Akhirnya, dengan mengucapkan kalimah "**Bismillahirrahmannirrahim**", serta selawat dan salam ke atas junjungan kita Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam, saya dengan sukacita merasmikan Pelancaran Laman Web Rasmi dan Facebook Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada petang ini. Saya berdoa semoga Allah SWT memberikan keberkatan di atas apa jua usaha-usaha yang diunkayahkan demi kepentingan Kementerian ini.

Sekian Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullah Hiwabarakatuh dan Salam Sejahtera.